

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]

SOALAN : Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah beras ST5 dan ST15 yang diimport ke negara kita dalam tahun 2012, 2013 dan 2014 dan harga import masing-masing.

JAWAPAN:

Beras ST5 dan ST15 adalah merujuk kepada beras Super Tempatan 5% dan Super Tempatan 15% yang dihasilkan daripada padi tempatan. Sehubungan itu, tiada beras ST5 dan ST15 yang diimport. Purata kuantiti pengeluaran beras tempatan bulanan dan pengimportan import beras negara pada tahun 2012 hingga Februari 2015 adalah seperti berikut:

Purata Kuantiti Penjualan Bulanan Beras Import Dan Beras Tempatan di Malaysia Pada Tahun 2012 Hingga Februari 2015 (Metrik Tan-MT)

Jenis Beras	2012 (MT)	2013 (MT)	2014 (MT)	Feb-15 (MT)
Pecahan Pengeluaran Beras Tempatan	(sebulan)			
Beras Super Tempatan 15%	40,000	40,000	40,000	40,000

Beras Super Tempatan 5%*	51,987	56,719	62,773	48,162
Jumlah Pengeluaran Beras Tempatan	91,987	96,719	102,773	88,162
Beras Import	72,000	81,000	66,100	58,000

Harga runcit beras import ditetapkan oleh kerajaan melebihi harga beras super tempatan iaitu daripada RM2.70 sehingga RM12.80 per kilogram bergantung kepada gred dan jenis beras.

*Nota: Pengeluaran Beras Super Tempatan adalah anggaran daripada pengeluaran beras negara dengan mengambilkira kuota beras subsidi kerajaan (GSR).